



18 OCT, 2025

Singapura bakal import tenaga elektrik tambahan negara

Berita Harian, Malaysia



Singapura bakal import tenaga elektrik tambahan negara

Malaysia dan Singapura mengumumkan kemajuan ketara dalam dua projek penyambungan elektrik baharu bertujuan memperkukuh perdagangan tenaga rentas sempadan, mencerminkan komitmen bersama terhadap keselamatan tenaga, penyahkarbonan dan pertumbuhan serantau.

Di sela-sela Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga ASEAN Ke-43 (AMEM), Singapore Energy Interconnections (SGEI), SP Group dan Tenaga Nasional Bhd (TNB) menandatangani Perjanjian Pembangunan Bersama (JDA) untuk menjalankan kajian kebolehlaksanaan terperinci bagi sambungan elektrik kedua antara Singapura dan Semenanjung Malaysia.

“Membangunkan kajian prakebolehlaksanaan oleh SP Group dan TNB yang disiapkan pada Mei 2025, cadangan penyambungan itu berupaya menyokong kapasiti sehingga dua gigawatt (GW) menjelang 2030, melengkapi sambungan sedia ada yang membolehkan aliran elektrik dua hala sehingga 1 GW,” menurut kenyataan bersama Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air serta Kementerian Perdagangan dan Perusahaan Singapu-

ra semalam.

Majlis pertukaran JDA itu disaksikan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Seri Fadillah Yusof dan Menteri Bertanggungjawab bagi Tenaga dan Sains dan Teknologi Singapura, Dr Tan See Leng.

Kenyataan bersama itu turut mengumumkan Pihak Berkuasa Pasaran Tenaga (EMA) Singapura telah memberikan Kelulusan Bersyarat (CA) kepada Sembcorp Utilities Pte Ltd (Sembcorp) dan Sarawak Energy Bhd untuk mengimport kira-kira satu GW tenaga elektrik rendah karbon dari Sarawak.

“Projek itu yang dikuasakan terutamanya oleh tenaga hidro, telah dinilai sebagai berdaya maju dari segi teknikal dan komersial pada peringkat awal dan dijangka memulakan operasi sekitar 2035, tertakluk kepada kelulusan akhir dan pemasangan kabel dasar laut,” menurut kenyataan itu.

Kementerian itu berkata, CA berkenaan diserahkan di dua majlis berturut-turut semalam, yang pertama disaksikan oleh Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari

Openg dan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perusahaan Singapura, Gan Kim Yong di Singapura, diikuti majlis kedua yang disaksikan oleh Fadillah dan Tan di sela-sela AMEM Ke-43 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Sementara itu, EMA Singapura dalam satu kenyataan berasingan mengumumkan pihaknya telah menilai secara awal cadangan projek konsortium Sembcorp dan Sarawak Energy sebagai berdaya maju secara teknikal dan komersial untuk membekalkan elektrik daripada tenaga hidro di Sarawak.

Pihak berkuasa itu berkata, bagi membolehkan projek berkenaan diteruskan, konsortium itu perlu mendapatkan semua kelulusan yang diperlukan daripada pihak-pihak berkuasa yang berkaitan, termasuk negara-negara yang akan dilalui oleh kabel penghantaran berkenaan.

“CA itu menyediakan konsortium dengan sokongan kawal selia daripada EMA untuk terus membangunkan projek berkenaan bagi mencapai tarikh operasi komersial yang dicadangkan, iaitu dijangka sekitar 2035,” katanya. BERNAMA